

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 3 / 2008

# Abdullah angkat sumpah jawatan

Oleh ROHANI IBRAHIM

KUALA LUMPUR 10 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri bagi penggal kedua di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Abdullah, 68, sekali lagi menerajui kepimpinan negara selepas Barisan Nasional (BN) diberi mandat oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-12 Sabtu lalu.

Acara yang berlangsung di Balairung Seri,

Istana Negara di sini, bermula dengan istiadat pengurniaan Surat Cara Pelantikan diikuti dengan melafaz ikrar, angkat sumpah taat setia serta sumpah menyimpan rahsia.

Turut berangkat ke istiadat berkenaan ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Pada istiadat selama 20 minit itu, Abdullah turut menandatangani watakah pelantikan di hadapan Ketua Hakim Negara, Datuk Abdul Hamid Mohamad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah tiba di Balairung Seri

pada pukul 11 pagi.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta orang kenamaan lain.

Pada pilihan raya umum kelmarin, BN mendapat mandat untuk memerintah negara apabila memenangi 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi yang dipertandingkan.

Abdullah berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Kepala Batas di Pulau Pinang dengan menewaskan calon Pas, Subri Md. Arshad dengan majoriti 11,246 undi.

UM - 11/3/2008